



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**PENGHAYATAN ISLAM DALAM AMALAN BERFESYEN MUSLIMAH
BERKERJAYA DI BRUNEI DARUSSALAM**

**[INTERNALISATION OF ISLAM IN FASHION PRACTICES AMONGST
MUSLIM WORKING WOMEN IN BRUNEI DARUSSALAM]**

NORHAZERAH BAH¹
MOHAMMAD IZNAN TARIP²

¹ Sultan Omar 'Ali Saifuddin Center for Islamic Studies, Universiti Brunei Darussalam
(UBD), Negara Brunei Darussalam, (E-mail: 18h8599@ubd.edu.bn)

² Ph.D. Institut Kepimpinan, Inovasi dan Perkembangan, Universiti Brunei Darussalam
(UBD), Negara Brunei Darussalam, (Email: Iznan.tarip@ubd.edu.bn)

*Corresponding Author: 18h8599@ubd.edu.bn

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 18 October 2022

Abstrak

Agama Islam telah memberikan garispandu dalam menghiasi diri yang merangkumi perhiasan zahir iaitu Zīnah Muktasabah dan Zīnah Nafsiyah sebagai perhiasan batin. Telah ditemukan pada kajian lepas tentang amalan fesyen yang berfokuskan kepada kewajipan menutup 'aurat ke atas Muslimah. Namun demikian, konsep penghayatan Islam kurang diketengahkan dalam konteks Islam khususnya dalam amalan berfesyen. Oleh itu, kajian ini ingin menelusuri konsep penghayatan Islam dalam amalan berfesyen Muslimah berkerjaya di Brunei. Kepentingan kajian ini ialah untuk meneliti sejauh mana praktikal Islam itu dimanifestasikan dalam amalan fesyen secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis data biografi, teks dan tematik. Dapatan bagi kajian ini diteliti dengan analisis deduktif berdasarkan kepada literatur melalui pengumpulan data secara naratif. Kajian mendapati bahawa Muslimah berkerjaya di negara ini lebih menghayati praktikal Islam dalam Zīnah Nafsiyah berbanding dengan menutup 'aurat dalam Zīnah Muktasabah.

Kata kunci: Penghayatan Islam, amalan fesyen, Muslimah bekerja, Brunei Darussalam

Abstract

Islam has given a guideline for adorning oneself, including external adornment, which is Zīnah Muktasabah, dan internal adornment, known as Zīnah Nafsiyah. Previous studies have focused on covering the 'aurat among Muslim women. However, the concept of internalisation of Islam is less highlighted in the context of Muslim women fashion. Therefore, this study explores the internalisation of Islam in fashion practices amongst Muslim working women here in Brunei. The importance of this study is to seek the extent of the manifestation of Islam in the practice of

fashion holistically. This study uses a biographical, textual and thematic data analysis approach. The findings are examined with deductive analysis based on literature through narrative data collection. This study found that there are more Muslim working women observing fashion in the aspect of Zīnah Nafsiyah rather than Zīnah Muktasabah.

Keywords: *Internalisation of Islam, fashion practices, Muslim working woman, Brunei Darussalam*

Cite as: Norhazerah Baha & Mohammad Iznán Tarip. 2022. Penghayatan Islam dalam Amalan Berfesyen Muslimah Berkerjaya di Brunei Darussalam [Internalisation of Islam in Fashion Practices amongst Muslim Working Women in Brunei Darussalam]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 201-217.

PENGENALAN

Amalan berhias ataupun berfesyen ialah suatu terma yang berkaitan dengan penggayaan diri. Apabila menyentuh tentang berhias ataupun berfesyen, ianya tidak lari daripada amalan seorang wanita dan ini juga tidak terkecuali bagi golongan Muslimah. Sebagai seorang Muslimah, di antara amalan berfesyen ialah semestinya dengan menunaikan kewajipan iaitu menutup ‘aurat. Namun begitu, tuntutan agama Islam ke atas umatnya bukan sekadar pada perhiasan zahir iaitu dengan menutup ‘aurat bahkan pada perhiasan batin. Ibn Humaid (1994) mengusulkan bahawa perhiasan zahir dan batin ialah di antara yang dituntut oleh agama Islam dalam amalan berfesyen. Dalam konteks berfesyen ini, Mohammad (2018) telah mengemukakan bahawa wanita-wanita yang berpendidikan tinggi, mempunyai pekerjaan yang stabil dan profesional adalah di antara sasaran bagi pemasaran seperti dalam industri fesyen. Ini sekaligus membawa kajian ini untuk meneliti sejauh manakah amalan berfesyen di kalangan Muslimah berkerjaya di negara ini sejajar dengan penghayatan Islam iaitu dengan perhiasan zahir dan juga batin.

KONSEP PENGHAYATAN ISLAM DALAM BERFESYEN

Telah pun dikemukakan bahawa di antara amalan dalam menghayati praktikal Islam ialah melalui perhiasan zahir dan juga batin. Ibn Humaid (1994) menyatakan bahawa perhiasan sebagai seorang Muslim ialah dengan Zīnah Muktasabah dan Zīnah Nafsiyah. Menurut Ibn Humaid (1994) Zīnah Muktasabah ialah perhiasan material yakni yang menghiasi luaran seperti menutup ‘aurat manakala Zīnah Nafsiyah ialah perhiasan batin.

Menghuraikan tentang konsep Zīnah Muktasabah, ianya merupakan perhiasan yang menutupi anggota ‘aurat dengan kriteria pakaian yang diwajibkan oleh Islam iaitu yang menutupi bentuk badan dan kulit anggota ‘aurat. Menurut Al-Jaziri (2003) ‘aurat bagi Muslimah ialah keseluruhan badan kecuali muka dan kedua tapak tangan pada pandangan Mazhab Syafi’e yang sekaligus merupakan mazhab rasmi bagi Negara Brunei Darussalam. Menyentuh pula tentang Zīnah Nafsiyah, Ibn Humaid (1994) menyatakan bahawa ianya bermaksud perhiasan psikologi yang berkaitan dengan keimanan seseorang sekaligus berkaitan dengan niat dan penerapan Akhlāq Maḥmūdah iaitu akhlak terpuji dan menjauhi Akhlāq Madzmūmah yakni akhlak yang dikeji oleh Islam. Ini juga berdalilkan kepada firman Allah Subhanahu wa Ta’ala di dalam surah surah Al-Hujurāt ayat 7:

﴿وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَبٌ إِلَيْكُمْ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ﴾

Terjemahannya: “Tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan serta menjadikannya indah dalam hati kamu”.

Jelas pada terjemahan bagi firman di atas bahawa Allah Subhanahu wa Ta’ala menjadikan iman sebagai suatu perkara disukai oleh hambaNya. Ibn Humaid (1994) mengusulkan bahawa amalan niat di dalam *Zīnah Nafsiyah* hendaklah kerana Allah Subhanahu wa Ta’ala sesuai dengan berdalilkan kepada sabda Baginda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim (t.t):

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: Telah bersabda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam: “Sesungguhnya segala perbuatan bergantung kepada niat”.

Sehubungan itu, Ibn Humaid (1994) turut menyatakan bahawa *Zīnah Nafsiyah* juga menghiasi diri dengan *Akhlāq Maḥmūdah* seperti *hayā* dan takwa dan menjauhi *Akhlāq Madzmūmah* iaitu *tabarruj jahiliyyah*, *isrāf* dan *syuhrah*. Merungkaikan tentang *hayā*, ianya bererti malu yakni menghiasi diri dengan akhlak malu manakala takwa pula pada menurut Kamus Al-Mawrid (2009) bererti takut kepada tuhan. Sementara itu, di antara *Akhlāq Madzmūmah* dalam berfesyen ialah *tabarruj jahiliyyah* yang mana menurut Ibn Kathir (1999) bererti wanita yang keluar berjalan untuk menarik perhatian lelaki. Akhlak *isrāf* pula, Ibn Kathir (1999) mengertikannya dengan pembaziran manakala *syuhrah* pula pada mengikut Al-Mawrid (2009) membawa erti kegemilangan. Akhlak-akhlak yang dikemukakan ini merupakan yang dititikberatkan oleh agama Islam berdasarkan kepada dalil Al-Quran dan juga hadits Baginda Shallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Pada yang demikian, konsep penghayatan Islam yang terdiri daripada *Zīnah Muktasabah* dan *Zīnah Nafsiyah* ini akan disusuri pada kalangan Muslimah berkerjaya di negara ini yang memegang Islam sebagai agama rasmi negara.

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk menelusuri penghayatan Islam bagi Muslimah berkerjaya dalam amalan berfesyen di negara ini. Bagi menghasilkan kajian ini, reka bentuk kajian yang tertentu telah dipilih mengikut kesesuaian metodologi kajian ini. Melihat kepada keperluan untuk melaksanakan kajian ini, reka bentuk biografi telah dipilih yang mana menurut Idris (2010) ianya merupakan kajian ke atas individu dan pengalaman yang dilaluinya dengan penceritaan individu yang terlibat mahupun daripada koleksi dokumennya. Kesesuaian reka bentuk ini ialah untuk menganalisis data melalui perkongsian responden tentang penghayatan Islam dalam berfesyen yang diperolehi secara naratif. Dalam membincangkan analisis, kajian menggunakan usulan Rosenthal (2004) iaitu (i) analisis data biografi, yakni data yang diperolehi melalui responden kajian (ii) analisis teks dan tematik dari segi *self-presentation* dan penceritaan tentang kehidupan responden, (iii) pembinaan semula tentang sejarah

kehidupan, yakni ekspresi pengalaman, (iv) analisis secara mikro segmen teks daripada responden dan (v) perbandingan kehidupan di antara yang lalu dan kini.

Metodologi di atas menjadi teras untuk mencapai matlamat kajian dengan lebih efektif. Proses analisis dilaksanakan semasa dan selepas pengumpulan data melalui temu bual bersama responden yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*). Idris (2010) juga mengusulkan bahawa pensampelan sedemikian dipilih atas dasar perkongsian data yang merangkumi pengetahuan responden. Sementara itu, Hin (2004) menyatakan bahawa pensampelan ini ialah kerana ingin mendapatkan maklumat tertentu yang diminati dan harus ada pada responden. Merungkai pada pensampelan ini, kriteria responden ialah (i) Muslimah, (ii) berwarganegara Brunei, kerana konteks kajian berfokuskan pada negara ini, (iii) berkerjaya. Seramai 15 responden dikemukakan dalam artikel ini dengan menggunakan kaedah *pseudonym* iaitu menggunakan nama samaran pada tiap responden.

Kaedah temu bual separa struktur telah diaplikasikan yang mana menurut Hin (2007), kaedah ini adalah mudah kerana boleh berlaku perubahan dalam urutan, bentuk dan cara soalan diajukan semasa temu bual dijalankan. Watson (1997) menyatakan bahawa metode ini boleh menghasilkan perbualan yang lebih meluas dan spontan di antara responden dan pengkaji. Sesi temu bual dilaksanakan dengan bersifat naratif di mana responden bebas untuk mengongsikan maklumat yang ada pada dirinya untuk menghasilkan dapatan kajian ini. Setelah selesai pengumpulan data, proses transkripsi dilakukan bagi memudahkan proses menganalisis yang lebih mendalam. Transkripsi dilakukan secara manual dan mempunyai manfaat yang mana Watson (1997) menyatakan bahawa transkripsi sedemikian membantu dalam mendapatkan ketepatan perbualan yang sudah dirakamkan. Transkrip temu bual diuruskan secara sistematik dan Idris (2010) memberikan kaedah dengan mengikut komponen tertentu iaitu komponen pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan. Usulan komponen ini membawa kepada pengurusan data kepada pertemuan yang menjurus kepada naratif di mana Eathy dan Cronin (2008) menyatakan bahawa pendekatan tematik dalam merungkai data melibatkan perbandingan daripada sampel-sampel.

Adaptasi metodologi di atas dilihat sesuai untuk kajian ini di mana pelaksanaan ujian rintis telah menghasilkan dapatan yang menjawab kepada persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menelusuri data melalui temu bual bersama responden tentang penghayatan Islam dalam berfesyen iaitu daripada sisi *Zīnah Muktasabah* dan *Zīnah Nafsiyah*. Sehubungan itu, kajian mendapati terdapat dua amalan berbeza di kalangan responden dalam *Zīnah Muktasabah* iaitu amalan secara holistik dan kontekstual dan perbincangannya seperti berikut:

ZĪNAH MUKTASABAH SECARA HOLISTIK

Menelusuri para responden kajian iaitu Muslimah berkerjaya di negara ini, terdapat tiga responden yang mengamalkan fesyen selayaknya Muslimah secara holistik iaitu di dalam dan luar waktu bekerja. Ini membawa maksud bahawa pengamalan fesyen zahir responden ialah sejajar dengan penghayatan Islam tanpa mengikut konteks yakni tempat dan masa. Ketiga responden iaitu Majidah, Farah dan Rosnah mempunyai pengetahuan asas tentang kewajipan

menutup ‘aurat seperti mana yang digariskan dalam *Zīnah Muktasabah*. Perkongsian Majidah boleh dilihat pada petikan berikut:

“saya lebih suka shawl (selendang) daripada yang empat segi. Sebab susah untuk saya menutup bentuk badan saya jika saya pakai yang empat segi. Begitu juga fesyen saya di luar. Yang paling utama ialah keselesaan dan untuk menutup ‘aurat dengan mengikut garis-garis yang ditetapkan untuk kita sebagai seorang Muslim”

Majidah yang merupakan seorang Pegawai Kanan di salah sebuah hospital tempatan telah mengusulkan bahawa fesyen yang menjadi amalan ialah sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam iaitu dengan menutup ‘aurat. Majidah juga menekankan bahawa fesyen yang sedemikian bukan sahaja menjadi amalan di tempat kerja bahkan sewaktu di luar waktu atau tempat bekerja. Ini menunjukkan bahawa pengamalan *Zīnah Muktasabah* bagi responden ini ialah secara holistik dengan tidak mengira waktu dan tempat. Sehubungan itu, responden bernama Farah ialah seorang Pegawai Pelajaran dan bertugas di salah sebuah sekolah menengah tempatan. Beliau turut mengamalkan *Zīnah Muktasabah* yang holistik dalam menutup ‘aurat dan ini dikongsikan dalam temu bual:

“fesyen saya sama sahaja ketika bekerja dan sebaliknya. saya lebih cenderung kepada tudung panjang dan tidak boleh bersaiz kecil. Saya tidak suka pakaian yang menampakkan bentuk badan saya untuk keselesaan saya”

Perkongsian Farah di atas jelas menunjukkan bahawa fesyen yang menutupi bentuk badan merupakan fesyen yang menjadi pilihan sama ada di dalam dan di luar waktu bekerja yang sekaligus menandakan amalan holistik. Sementara itu, Rosnah yang memegang jawatan sebagai Pegawai Pelajaran sepenuh masa dan bekerja sambil dalam pengacaraan televisyen juga mengamalkan fesyen yang menutup ‘aurat secara holistik dalam *Zīnah Muktasabah* sebagaimana temu bual:

“saya tidak mahu ianya terdedah kerana membuatkan saya tidak selesa. Tidak kira apa pun, kepentingan saya ialah untuk menutup. Yang penting tidak ketat di badan. Saya tidak akan rasa yakin jika pakaian ketat. Sama lah jika saya di luar, perlu saya jaga beberapa aspek dalam penampilan saya kerana kerja saya”

Jelas pada petikan di atas bahawa responden Rosnah mengamalkan fesyen yang bersifat tidak ketat dan ini sejajar dengan kriteria menutup ‘aurat. Menelusuri tiga responden ini, amalan *Zīnah Muktasabah* seperti yang dikongsikan semasa temu bual ialah dengan memakai pakaian yang longgar dan labuh iaitu menutupi bentuk badan. Amalan fesyen yang sedemikian ialah sesuai dengan tuntutan agama Islam ke atas umatnya. Seterusnya, kajian juga menemukan sebilangan responden yang menunaikan kewajipan menutup ‘aurat secara kontekstual iaitu berdasarkan kepada waktu dan tempat dan ini dikemukakan pada perbincangan seterusnya.

ZĪNAH MUKTASABAH SECARA KONTEKSTUAL

Seramai 12 responden telah didapati oleh kajian ini yang mengamalkan fesyen yang kurang sejajar sebagai Muslimah yang dilihat mengikut konteks. Hass dan Lutek (2019) telah menemukan terdapatnya golongan Muslimah Belanda yang berpendapat bahawa pemilihan fesyen dan perilaku ketika bersosial ialah berdasarkan kepada konteks. Ini mendukung bahawa amalan berfesyen dalam konteks Muslimah khususnya di negara ini juga berdasarkan kepada tempat dan waktu.

Untuk perbincangan ini, kajian akan mengemukakan perkongsian sebahagian responden tentang pengamalan *Zinah Muktasabah* secara kontekstual. Memulakan perbincangan, responden kajian yang bernama Aminah ialah petugas sebagai atendan di hospital tempatan. Telah dikongsikan dalam temu bual bahawa beliau mengamalkan tudung hanya ketika waktu bekerja dan ini boleh dilihat pada petikan:

“waktu bekerja memang pakai tudung sebab mengikut peraturan. Di luar tidak bertudung tetapi jika masuk premis kerajaan, memang saya pakai tudung”

Pada perkongsian Aminah, jelas menunjukkan bahawa amalan bertudung ialah berdasarkan kepada konteks. Ini bermaksud bahawa Aminah mengamalkan tudung hanya semasa berada di premis kerajaan dan tidak mengamalkan pemakaian tudung ketika di luar premis kerajaan. Juga dalam amalan yang sama iaitu Atilia, seorang Pegawai Pemasaran di jabatan kerajaan mengongsikan tentang perbezaan fesyen ketika bekerja dan di luar waktu bekerja seperti mana petikan:

“jika di luar saya boleh menjadi diri saya sendiri. Berbeza dengan waktu bekerja, saya bertudung dan pakai Baju Kurung. Saya akan mengatakan dengan sejujurnya, pada kadangnya saya tidak memakai tudung ketika di luar. Saya rasa itu bergantung kepada *mood* saya”

Sementara itu, Mona iaitu Pegawai Penyelidik juga bertugas di jabatan kerajaan menyatakan terdapatnya perbezaan fesyen semasa bekerja dan di luar waktu bekerja dan ini dikongsikan dalam temu bual:

“seperti biasa, saya memakai Baju Kurung atau baju sukan semasa bekerja. Ketika di luar, kadang saya masih memakai seluar yang ketat mengikut bentuk kaki. Jika di luar waktu kerja, saya boleh jadi apa yang saya mahukan. Bukan hendak jadi Lady Gaga, tetapi bergantung kepada *mood*”

Kedua responden iaitu Atilia dan Mona mengusulkan bahawa kebebasan di luar waktu bekerja membawa kepada fesyen yang diinginkan dan mempengaruhi cara berfesyen seperti fesyen seluar ketat yang mengikut bentuk kaki serta pengamalan tudung secara berkala. Ini jelas menandakan terdapatnya kompromi dalam berfesyen selayaknya Muslimah yang berasaskan kepada konteks. Seterusnya, Lili dan Sarah turut mengemukakan amalan fesyen *Zinah Muktasabah* yang mengikut konteks seperti mana petikan:

“waktu kerja dari hari Isnin hingga Jumaat, saya sepenuhnya memakai seragam. Jadi di luar waktu kerja, perlu berubah. Bosan jika di luar waktu kerja juga memakai tudung berwarna hitam. Elak-elakkan lah. Kadang, perlu ikut trend, mahu pakai tudung atau tidak. Mahu pakai tudung warna-warni supaya nampak ceria”

“jika waktu bekerja, memang tidak boleh berfesyen. Saya sebenarnya suka berfesyen. Jika di luar, saya suka berfesyen seperti berdandan rambut, pakai tudung atau shawl dan fesyen lain yang saya mahukan. Fesyen seiring dengan zaman dan untuk fesyen saya, ia bergantung kepada [fesyen] apa yang saya mahukan seperti ikut *mood* saya ketika itu”

Lili merupakan Pegawai Logistik yang bertugas di jabatan kerajaan manakala Sarah ialah Pegawai Pendidikan di salah sebuah sekolah menengah tempatan. Merungkaikan perkongsian di atas, Lili dan Sarah mengongsikan bahawa fesyen di luar konteks kerja ialah bergantung kepada fesyen yang dimahukan oleh beliau sendiri. Kedua responden mengusulkan berbagai fesyen yang menjadi amalan berfaktorkan kepada keinginan seperti memakai tudung atau tidak serta berdandan rambut. Ini menunjukkan bahawa amalan *Zīnah Muktasabah* bagi kedua responden ini telah mendapat kompromi khususnya dalam penutupan ‘aurat sebagai seorang Muslimah. Amalan ini juga serupa dengan responden lainnya iaitu Suzie, seorang Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dalam temu bualnya menyatakan:

“jika tidak bekerja, selalu [pakai] baju labuh dan biasanya seluar jeans ketat. Fesyen seluar saya berbagai-bagai. Kadang pakai skirt, kadang pakai jeans ketat. Waktu bekerja, memang berlabuh”

Pada kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa Suzie mengamalkan fesyen yang bersifat ketat semasa di luar waktu bekerja dan ini kurang menepati dengan tuntutan *Zīnah Muktasabah*. Ini sekaligus menandakan bahawa Suzie juga bergantung kepada konteks untuk mengamalkan fesyen selayaknya Muslimah yang hanya dikhususkan ketika waktu atau tempat bekerja. Pada perbincangan ini, kajian mendapati bahawa sebilangan besar responden menunaikan kewajipan menutup ‘aurat hanya ketika berada di tempat kerja manakala di luar konteks tempat kerja pula mengamalkan fesyen yang kurang bertepatan dengan kewajipan menutup ‘aurat sebagaimana dalam *Zīnah Muktasabah*. Seterusnya pula, kajian menelusuri tentang *Zīnah Nafsiyah* iaitu perhiasan diri yakni batin di kalangan responden kajian.

ZĪNAH NAFSIYAH

Seperti mana yang dibincangkan tentang penghayatan Islam dalam berfesyen, *Zīnah Nafsiyah* ialah berkenaan dengan fesyen yang menghiasi batin seseorang Muslim. Perhiasan batin ialah berkaitan dengan perhiasan keimanan seorang Muslim dengan niat serta akhlak-akhlak yang terpuji di dalam Islam iaitu *Akhlaq Mahmūdah*. Perbincangan ini akan melihat amalan niat di kalangan responden dalam berfesyen seperti berikut.

NIAT UNTUK MENUNAIKAN KEWAJIPAN

Seperti mana yang dikemukakan, salah satu perkara yang menghiasi *Zīnah Nafsiyah* ialah mempunyai niat dengan maksud kerana Allah ataupun Lillahi Ta'ala. Ini berdasarkan kepada hadits Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim (t.t):

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: Telah bersabda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam: “Sesungguhnya segala perbuatan bergantung kepada niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan RasulNya maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya”.

Memahami petikan sabda Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam di atas, niat ataupun tujuan itu membawa kepada dua hala yang mana salah satu daripadanya ialah jika niat amalan itu kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya, maka hijrahnya ialah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya. Pada merungkaikan niat ini, menutup 'aurat ialah suatu tuntutan Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas hambaNya. An-Nawawi (1392) mengemukakan bahawa niat ialah perkara yang membuatkan amalan itu sah.

Kajian ini tidak menemukan responden yang mengungkapkan niat berfesyen kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala semata. Namun demikian, telah ditemukan niat yang sejajar dengan maksud melakukan sesuatu perkara kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan secara tidak langsung. Seramai tiga responden kajian yang mengemukakan niat yang sejajar dengan menunaikan kewajipan sebagai seorang Muslimah. Memulakan perbincangan, Majidah mengongsikan bahawa fesyen yang menjadi amalan ialah kerana untuk menutup 'aurat sebagaimana petikan:

“bagi saya yang penting di dalam fesyen ialah keselesaan. Untuk tidak menunjukkan apa yang tidak sepatutnya. Seperti yang saya katakan, yang paling utama ialah keselesaan dan untuk menutup 'aurat dengan mengikut garis-garis yang ditetapkan untuk kita sebagai seorang Muslim”

Majidah menyatakan bahawa keselesaan menjadi kepentingan di dalam berfesyen. Beliau juga mengutarakan bahawa tujuan fesyen ialah untuk menutup 'aurat dengan mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Menyentuh tentang tujuan ini, setentunya ia selari dengan maksud *Zīnah Nafsiyah* yakni untuk menutup 'aurat dengan niat yang selari dengan prinsip Islam. Dalam pada itu, Azimah iaitu Pekerja Tingkat 5 turut mengongsikan tentang niat berfesyen yang juga selari dengan konsep penghayatan Islam dan ini boleh dilihat pada petikan:

“menurut Puan, mengapa Puan mengamalkan fesyen yang sedemikian?”

“untuk menutup ‘aurat dan keselesaan diri saya. Saya berfesyen untuk diri saya sendiri dan bukan untuk orang lain”

Azimah menyatakan dengan ringkas pada temu bual bahawa fesyen yang menjadi pilihan ialah untuk menutup ‘aurat serta keselesaan. Responden juga menukilkan bahawa fesyen yang diamalkan ialah untuk diri sendiri iaitu dengan menutup ‘aurat dan ini suatu aspek yang selari dengan kewajipan sebagai seorang Muslimah. Sementara itu, responden bernama Tiara juga mengongsikan dalam petikan:

“pada kebiasaannya dalam memilih pakaian, automatik untuk menutup ‘aurat”

Tiara yang bertugas sebagai Operator Telefon mengongsikan dengan jelas bahawa fesyen yang menjadi amalan ialah untuk menutup ‘aurat. Sehubungan itu, juga terdapat responden kajian yang meniatkan fesyen untuk menjaga penampilan. Perkara ini juga diharuskan oleh Islam kerana menurut Mufti Kerajaan Brunei (2004), hukum bagi menjaga penampilan agar orang lain senang memandangnya ialah harus. Ini membawa maksud bahawa seorang Muslim yang menjaga penampilan dalam berfesyen ialah sejajar dengan tuntutan Islam dan sekaligus sebagai perlaksanaan kewajipan kerana ianya selari dengan maksud hadits iaitu setiap amalan bergantung kepada niat.

NIAT UNTUK KEMEGAHAN DUNIAWI

Menelusuri data responden, kajian menemukan perkongsian enam responden yang mempunyai niat fesyen yang bertentangan dengan penghayatan Islam iaitu berfesyen dengan tujuan meraih perkara duniawi. Di antara niat berfesyen di kalangan responden ini ialah untuk menunjukkan status diri dan menarik perhatian. Sarah yang juga mengamalkan *Zinah Muktasabah* secara kontekstual telah mengongsikan niat berfesyen beliau dalam temu bual:

“bercakap tentang beg tangan, sebut sahaja. Saya mempunyai banyak beg tangan yang berjenama dan asli. Apabila saya bercakap tentang beg tangan berjenama, setentunya untuk membuatkan saya nampak lebih mewah. Saya seorang guru, tidak sepatutnya saya memakai barang tiruan. Nanti apa kata orang? Seorang guru tetapi memakai barang tiruan. Bagi saya, beg tangan merupakan suatu “*statement*” dalam fesyen”

Merungkaikan kenyataan di atas, Sarah mengungkapkan bahawa pengamalan fesyen melalui beg tangan berjenama ialah untuk menampakkan kemewahan kepada diri responden dan merupakan suatu “*statement*” yakni penyata dalam berfesyen. Sarah mengusulkan bahawa pengamalan beg berjenama dan asli ialah untuk ditunjukkan kepada orang dengan merujuk kepada kenyataan “nanti apa kata orang?”. Maka tujuan ini dilihat kurang sejajar dengan syari’at Islam kerana terdapatnya niat dan perbuatan yang menunjuk-nunjuk dalam membelanjakan harta. Juga dalam niat ini, Azura mengutarakan tentang pengamalan beg tangan tertentu juga untuk menunjukkan kepada orang lain seperti mana dalam petikan:

“tentang beg tangan, saya memang memakai yang berjenama sebenarnya. Dari sana individu itu boleh dikenali bagaimana. Sebab itu beg tangan saya mesti yang berjenama. Barang seperti beg tangan menunjukkan sesuatu tentang diri kita”

Azura merupakan pekerja semi-kerajaan yang bertugas dalam perkhidmatan digital pelanggan di sebuah bank tempatan. Beliau mengusulkan bahawa amalan berfesyen perlu kepada beg tangan yang berjenama dengan tujuan untuk menunjukkannya kepada yang lain. Ini juga kurang sejajar dengan prinsip Islam di mana harta yang dibelanjakan ialah untuk ditunjukkan kepada yang lainnya. Meneliti tentang niat ini, ianya merupakan salah satu anasir yang bertentangan dengan syari’at Islam berdasarkan kepada larangan Allah Subhanahu wa Ta’ala di dalam Surah An-Nūr ayat 31:

﴿وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ﴾

Terjemahannya: “Dan janganlah mereka menghentak kaki supaya diketahui orang perhiasan mereka yang tersembunyi”

Pada memahami terjemahan firman di atas, perbuatan menghentak kaki dengan perhiasan agar diketahui oleh orang lain merupakan suatu larangan daripada Allah Subhanahu wa Ta’ala. Mengaitkan pula dengan kajian, pengamalan fesyen yang ditujukan untuk menarik perhatian ialah selari dengan larangan Allah Subhanahu wa Ta’ala sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman di atas. Niat sedemikian juga telah dikongsikan oleh Rania iaitu Pegawai Kerja Kanan di universiti tempatan semasa ditemu bual:

“fesyen saya mesti sentiasa kemas dan tidak cuai. Bagi saya, fesyen melambangkan sesuatu. Setentunya berfesyen ialah untuk menarik perhatian. Supaya orang memandang dan memberi pujian bahawa individu ini kelihatan cantik”

Pada perkongsian di atas, Rania mengusulkan bahawa pengamalan fesyen yang kemas dan tidak cuai ialah untuk menarik perhatian sekaligus meraih pujian daripada orang lain sebagaimana dalam petikan iaitu “untuk menarik perhatian”. Maka ini jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur niat yang negatif dalam pengamalan fesyen di sisi penghayatan Islam. Tambahan lagi, Rania mengungkapkan tentang fesyen yang diamalkan ialah agar orang memandang dan memberikan pujian juga merupakan niat yang kurang sejajar dengan maksud *Zīnah Nafsiyah* yang selayaknya seorang Muslimah.

Pada dapatan dan perbincangan ini boleh dilihat bahawa terdapatnya pengamalan fesyen di kalangan responden kajian yang bukan sekadar untuk menghiasi diri bahkan untuk menzahirkan fesyen dengan niat bermegah seperti menunjuk-nunjuk. Seterusnya pula ialah perbincangan tentang akhlak yang merupakan perhiasan dalam *Zīnah Nafsiyah*.

Akhlaq Mahmūdah

Merujuk kembali tentang *Zīnah* di dalam penghayatan Islam, Ibn Humaid (1994) menyatakan bahawa terdapatnya satu konsep *Zīnah* untuk menghiasi diri iaitu dengan sifat keimanan. Ini juga sejajar dengan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala terhadap Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam untuk mendidik umat Islam dengan akhlak. Kajian ini menemukan *Akhlaq Mahmūdah* yang signifikan melalui data responden iaitu akhlak *hayā* sebagaimana perbincangan berikut.

Hayā'

Dalam agama Islam, *hayā* bermaksud malu dan merupakan salah satu akhlak keimanan sebagaimana riwayat At-Tirmidzi (1998) yang mana Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda bahawa *hayā* ialah sebahagian daripada iman. Dalam pada itu juga, Al-Dabbagh (2019) mengusulkan bahawa akhlak *hayā* mempunyai peranan yang signifikan kerana ianya merupakan pelindung diri sekaligus cerminan kehormatan di kalangan masyarakat dan budaya. Akhlak ini juga perlu ada di dalam pengamalan berfesyen kerana ianya berkaitan dengan kewajipan menutup 'aurat yakni 'aib seseorang. Kajian ini menemukan sebilangan responden mengutarakan tentang akhlak malu dalam berfesyen. Suzie dan Maya mengongsikan dalam temu bual:

“saya rasa jika baju saya terlalu menjolok mata, akan mengundang malu”
 “jangan lah ketat sangat nampak bentuk badan. Buat saya malu”

Memahami perkongsian di atas, Suzie dan Maya menyatakan bahawa fesyen yang menampilkan bentuk badan boleh mengundang rasa malu kepada diri mereka. Kedua kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa akhlak *hayā* atau malu dipupuk dalam pengamalan fesyen bagi kedua responden. Juga dalam akhlak ini, responden bernama Nadirah yang merupakan Kerani Sulit menyatakan dalam temu bual:

“saya elak fesyen ketat di bahagian yang tertentu seperti menampilkan punggung. Itu memalukan saya”

Perkongsian temu bual di atas jelas menunjukkan bahawa Nadirah mengelakkan fesyen yang bersifat ketat pada bahagian anggota badan yang tertentu. Dalam pada itu, beliau menyatakan bahawa fesyen yang bersifat ketat membawa malu kepada diri responden. Sehubungan itu, Lili juga mengaitkan akhlak *hayā* dengan umur sebagaimana dalam petikan:

“umur saya sudah meningkat, saya akan malu jika mengikut fesyen orang muda atau kembali berfesyen seperti fesyen saya dahulu. Lebih-lebih lagi hidup bermasyarakat, buat malu apabila fesyen menjadi perhatian”

Pada kenyataan di atas, Lili menyatakan bahawa fesyen yang tidak layak dengan kriteria umur juga menyumbang kepada akhlak malu. Juga dinyatakan bahawa fesyen yang

menjadi perhatian boleh membawa malu kerana hidup bermasyarakat. Merujuk kembali tentang Lili, beliau mengamalkan *Zīnah Muktasabah* secara kontekstual iaitu menutup ‘aurat berdasarkan kepada waktu dan juga tempat.

Pada perbincangan ini boleh dilihat bahawa terdapatnya responden kajian yang mempunyai akhlak malu dalam berfesyen sebagai perhiasan batin namun kurang menepati tuntutan *Zīnah Muktasabah* iaitu dalam menutup ‘aurat. Seterusnya ialah perbincangan tentang *Akhlaq Madzmūmah* yang telah ditemukan di kalangan responden kajian dalam pengamalan fesyen.

Akhlaq Madzmūmah

Akhlaq Madzmūmah ialah perbuatan yang dikeji oleh Islam dan sebagai seorang Muslim adalah perlu untuk mengelaknya. Ini juga termasuk dalam penghayatan Islam melalui fesyen atau menghiasi diri sebagaimana dikemukakan pada perbincangan sebelum ini. Kajian ini menemukan beberapa Akhlaq Madzmūmah yang signifikan melalui data responden iaitu akhlak *isrāf* dan *syuhrah* sebagaimana perbincangan berikut.

Isrāf

Di antara akhlak yang dikeji oleh agama Islam khususnya dalam berfesyen ialah akhlak *isrāf* yang bermaksud berlebih-lebihan dan pembaziran. Menyentuh tentang sifat ini, ianya bertepatan dengan firman Allah Subhanahu wa Ta’ala di dalam surah Al-An’ām ayat 141:

﴿وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Terjemahannya: “Janganlah kamu berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebihan”.

Dalil daripada firman Allah Subhanahu wa Ta’ala di atas menunjukkan bahawa Allah tidak menyukai dan melarang hambaNya dalam amalan yang berlebihan. Ini juga didukung oleh Baginda Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam yang menegaskan agar umatNya tidak berlebih-lebihan yakni membazir dalam perkara yang tertentu yang termasuk dalam amalan berfesyen seperti mana yang diriwayatkan di dalam oleh Ibn Majah (t.t):

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «كُلُوا وَاشْرَبُوا وَتَصَدَّقُوا وَالْبَسُوا مَا لَمْ يُخَالِطْهُ إِسْرَافٌ، أَوْ مَخِيلَةٌ».

Maksudnya: “Telah bersabda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam: “Makan dan minumlah, bersedekah dan berpakaianlah tanpa ada unsur berlebihan atau sia-sia”.

Memahami tentang terma berlebih-lebihan di atas, ianya merupakan perbuatan yang menjurus kepada amalan yang sia-sia. Merujuk pula kepada akhlak *isrāf* di dalam berfesyen khususnya, perhiasan yang dimiliki oleh seorang Muslim hendaknya tidak berlebihan kerana ianya bertentangan dengan firman Allah dan hadits di atas. Akhlak ini telah ditemui di

kalangan responden dalam pengamalan fesyen sepertimana Azimah menyatakan dalam temu bual:

“saya mempunyai banyak beg tangan. Mesti banyak. Tukar-tukar. Entahlah, itu namanya perempuan. Jika mempunyai satu beg tangan sahaja, itu bukan namanya perempuan. Mesti mempunyai banyak beg tangan. Jika nampak beg tangan yang cantik, saya akan beli dan beli. Tetapi selepas itu, saya tidak akan pakai. Hairan bukan? Walaupun beg tangan saya banyak, tetapi satu sahaja yang saya gunakan”

Azimah mengongsikan tentang pengamalan komponen fesyen lainnya iaitu beg tangan dengan kenyataan bahawa beliau memiliki beg tangan yang melebihi daripada satu. Sehubungan itu, Azimah mengutarakan bahawa sungguhpun memiliki beg tangan yang banyak tetapi responden hanya menggunakan salah satu daripadanya seperti mana yang boleh difahami dalam petikan. Pada perkongsian ini boleh dilihat bahawa terdapatnya unsur akhlak *isrāf* yang mana beliau menyatakan tentang kepunyaan beg tangan yang banyak namun hanya mengamalkan seutas beg tangan dalam berfesyen. Ini sekaligus menandakan tentang *isrāf* yang membawa kepada pembaziran iaitu memiliki sesuatu benda dengan tidak dimanfaatkan sama ada untuk diri sendiri ataupun kepada yang lainnya. Akhlak ini juga dikesan pada Sarah sebagaimana dalam petikan:

“saya juga mempunyai aksesori cincin, gelang dan sebagainya. Jarang saya pakai yang sedemikian. Dan tidak sebanding dengan koleksi beg tangan yang saya ada. Saya mempunyai banyak beg tangan, sebut sahaja jenis yang bagaimana. Tetapi tidak semua saya gunakan. Membeli untuk kepuasan”

Sarah mengemukakan dalam temu bual tentang beg tangan berbagai jenis yang dimiliki namun tidak semua diamalkan dalam berfesyen. Beliau juga mempunyai aksesori cincin, gelang dan sebagainya tetapi tidak selalu digunakan seperti mana dalam petikan. Melalui perkongsian ini, boleh dikenal pasti tentang akhlak *isrāf* yang mana beliau memiliki barang untuk berfesyen atau berhias yang membawa kepada pembaziran. Juga boleh difahamkan bahawa Sarah memiliki barang untuk berfesyen yang tidak dimanfaatkan lagi seperti yang dimaksudkan dengan *isrāf*. Juga dalam akhlak ini, Tasya yang merupakan seorang Kerani turut menyatakan dalam temu bual:

“saya memang mempunyai tudung yang sangat banyak. Berwarna-warni. Biasalah perempuan. Tapi tidak semua saya pakai. Yang saya selalu pakai satu sahaja iaitu warna hitam. Sebab padan dengan apa saja warna”

Pada perkongsian ringkas di atas, Tasya menyatakan tentang tudung yang dimiliki ialah banyak dan juga berwarna-warni. Namun demikian, beliau mengongsikan bahawa tidak semua tudung digunakan dalam berfesyen. Ini turut menandakan akhlak *isrāf* yang mana Tasya mengemukakan tentang memiliki tudung yang banyak tetapi tidak dimanfaatkan sekaligus boleh membawa kepada pembaziran.

Pada perbincangan ini boleh difahamkan bahawa akhlak yang dikemukakan oleh responden ialah signifikan dan sejajar dengan akhlak *isrāf* sebagaimana yang dimaksudkan dalam Akhlaq Madzmûmah. Kajian menemukan bahawa responden kajian memiliki barang untuk berfesyen ataupun berhias dan tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya yang mana menyumbang kepada akhlak *isrāf*. Juga ditemukan oleh kajian ini akhlak *syuhrah* dalam berfesyen sebagaimana perbincangan berikut.

Syuhrah

Akhlaq *syuhrah* membawa maksud perbuatan yang meraih nama atau pujian dan akhlak ini juga dikaitkan dengan amalan berhias ataupun berfesyen. Ibn Majah (t.t) mencatatkan dalam hadits Baginda Shallallahu ‘Alaihi Wasallam tentang akhlak *syuhrah* dalam berpakaian seperti mana petikan:

عُمَرُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ لَبَسَ ثَوْبَ شُهْرَةٍ أَلْبَسَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَوْبَ مَذَلَّةٍ

Maksudnya: ‘Umar telah berkata: telah bersabda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam: “Barang siapa memakai pakaian *syuhrah*, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan di hari kiamat nanti”

Merungkaikan tentang hadits di atas, Ibn Majah (t.t) menyatakan bahawa pakaian *syuhrah* ialah pakaian yang dipakai dengan diperlihatkan kepada orang lain sama ada pakaian tersebut ialah pakaian berharga yang menunjukkan kebanggaannya kepada dunia dan perhiasannya ataupun menzahirkan kezuhudannya dan *riya’*. Kunci utama bagi pakaian *syuhrah* ialah jenis pakaian yang mana si pemakainya memperlihatkan kepada orang lain tentang pakaian atau perhiasan yang dimiliki, menunjukkan pakaian dan perhiasan yang berharga atau juga mempamerkan yang sebaliknya.

Dalam pada itu, kajian menemukan beberapa responden yang mengemukakan tentang pengamalan akhlak ini dalam berfesyen sebagaimana perkongsian Azura pada temu bual: “saya pernah dengar, lelaki dikenali melalui kasut dan jamnya manakala perempuan dikenali daripada beg tangan. Benda-benda seperti beg tangan, jam dan kasut perlu dibawa ke mana-mana. Sebab itu beg tangan saya mesti yang berjenama”

Melihat kepada penceritaan di atas, Azura menyatakan bahawa fesyen seperti pemakaian beg tangan berjenama ialah suatu lambang untuk dikenali. Meneliti perkara ini, ianya merupakan akhlak *syuhrah* iaitu pengamalan fesyen yang memperlihatkan barang berjenama yang dimiliki kepada yang orang lain. Sofia yang memegang jawatan sebagai Pegawai Pelajaran turut menyatakan dalam petikan:

“saya memegang jawatan penting. Saya selalu mengetuai mesyuarat dan membuat pembentangan. Apabila bermesyuarat, saya mahukan perhatian orang yang hadir. Dengan memakai beg tangan kulit berjenama serta kasut yang tertentu, boleh menampakkan saya lebih profesional dan sesuai dengan jawatan saya sebagai seorang pegawai akademik”

Meneliti perkongsian di atas, Sofia menyatakan bahawa beg tangan kulit dan kasut tertentu memainkan peranan yang penting dalam menzahirkan diri beliau sebagai seorang yang berjawatan penting dan profesional. Dalam amalan ini, akhlak *syuhrah* boleh dikenal pasti di mana Sofia mengamalkan fesyen kasut dan beg tangan tertentu sebagai imej kepada jawatan yang dipegang dan ini didukung dengan kenyataan beliau sebagaimana di bawah:

“saya akui saya mengamalkan fesyen yang boleh menampakkan status saya. Tapi saya rasa sebab masyarakat yang membuatkan saya mengamalkan fesyen yang tertentu untuk menunjukkan status saya”

Pada petikan di atas, Sofia menyatakan bahawa fesyen tertentu menjadi salah satu cara agar diri responden dikenali yang juga merupakan akhlak *syuhrah*. Ini berdasarkan kepada perkongsian di atas yang mengemukakan tentang pengenalan status beliau melalui pengamalan fesyen yang sejajar dengan maksud *syuhrah*.

Merujuk kembali kepada mafhum hadits berkenaan dengan pakaian *syuhrah* iaitu pakaian yang mengenalkan diri melalui perhiasan yang mahal ataupun yang sebaliknya, maka boleh dikaitkan bahawa perkongsian responden-responden dalam perbincangan ini sejajar dengan konsep *syuhrah* seperti mana dalam penghayatan Islam.

OBJEKTIF

Kajian ini disasarkan kepada Muslimah berkerjaya di negara ini yang mana Mohammad (2018) menyatakan bahawa wanita berkerjaya pada lazimnya mengamalkan fesyen. Kajian ini menelusuri amalan penghayatan Islam di kalangan Muslimah berkerjaya daripada lingkungan umur 18 hingga 59 tahun iaitu jangka umur perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam.

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa fesyen ialah suatu perkara yang signifikan dalam penampilan diri. Agama Islam bukan sahaja mementingkan perhiasan zahir seperti menutup ‘aurat bahkan perhiasan batin yang merangkumi niat dan juga akhlak. Untuk itu, tuntutan ini disusuri di kalangan Muslimah berkerjaya di Brunei yang mana negara ini memegang Islam sebagai agama rasmi dan pegangan hidup.

Kajian menemukan hanya sebilangan kecil responden yang menunaikan kewajipan menutup ‘aurat dalam *Zīnah Muktasabah* sepenuhnya yakni bukan setakat di tempat kerja bahkan ketika berada di luar waktu bekerja. Manakala sebilangan besar responden menunaikan tuntutan Islam sebagai seorang Muslimah iaitu dalam menutup ‘aurat hanya ketika waktu bekerja dan berbeza pula sebaliknya. Terdapat responden yang mengamalkan kriteria fesyen yang kurang sejajar dengan tuntutan Islam iaitu bersifat ketat seperti memakai pakaian yang tidak menutup bentuk anggota ‘aurat.

Menyentuh pula tentang *Zīnah Nafsiyah* iaitu aspek niat, kajian mendapati sebilangan responden menjadikan fesyen sebagai cara untuk menunaikan kewajipan dalam menutup ‘aurat. Ini merupakan perkara yang sejajar dalam penghayatan Islam yang mana Mohiddin dan Serbini (2019) menyatakan bahawa berfesyen itu hendaklah kerana Allah Subhanahu wa

Ta'ala dan bukan kerana sebab lain. Namun begitu, juga didapati responden yang berfesyen dengan niat untuk bermegah-megah dan untuk dikenali khususnya tentang status responden dan ini kurang menepati apa yang diajarkan oleh agama Islam.

Sehubungan itu, sebilangan besar responden kajian mengongsikan tentang akhlak malu di dalam berfesyen. Akhlak ini dituntut oleh Islam kerana ianya merupakan sebahagian daripada iman. Terdapat beberapa responden yang mempunyai akhlak malu dalam Zīnah Nafsiyah akan tetapi kurang dalam pengamalan menutup 'aurat iaitu Zīnah Muktasabah. Ini menunjukkan bahawa sesetengah responden mempunyai akhlak malu sebagai perhiasan batin namun kurang menitikberatkan tentang perhiasan zahir.

Dalam pada itu, kajian juga menemukan beberapa responden yang mengamalkan akhlak yang dikeji oleh Islam seperti *isrāf* dan *syuhrah*. Kedua akhlak ini adalah dilarang oleh Islam namun masih sahaja ditemukan di kalangan golongan Muslim. Ini tidak terkecuali dalam amalan berfesyen seperti mana yang ditemukan oleh kajian ini. Akhlak sedemikian jelas dikongsikan oleh responden kajian sama ada dari segi pakaian mahupun aksesori. Juga didapati akhlak pembaziran menjadi amalan dan begitu juga dengan akhlak *syuhrah* di kalangan responden kajian.

KESIMPULAN

Kajian ini mengusulkan bahawa penghayatan Islam dalam berfesyen merupakan suatu tuntutan di dalam agama Islam. Hasil dapatan kajian menemukan bahawa sebilangan besar responden iaitu Muslimah berkerjaya di negara ini masih sahaja kurang dalam menunaikan kewajipan dalam menutup 'aurat yakni dalam Zīnah Muktasabah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapatnya responden yang lebih menghayati perhiasan batin iaitu dalam Zīnah Nafsiyah dan kurang dalam Zīnah Muktasabah. Kedua Zīnah ini perlu kepada keseimbangan yang membawa kepada penghayatan Islam secara holistik yakni melalui zahir dan batin. Bagi memperolehi maklumat terperinci berkaitan penghayatan Islam dalam berfesyen, kajian lanjut boleh dilaksanakan untuk meninjau kesan fesyen kepada psikologi atau kerohanian responden. Secara keseluruhannya, penghayatan Islam dalam skop berfesyen yang dibincangkan tidak terhad dalam dapatan kajian ini kerana adanya sosio-budaya yang turut memainkan peranan. Ini menandakan bahawa terdapat banyak ruang kajian yang boleh dijalankan tentang amalan fesyen mahupun penghayatan Islam di kalangan Muslimah bagi mendapatkan dapatan yang lebih bervariasi mengikut konteks tempat dan waktu yang berbeza.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah hasil daripada pengumpulan data di kalangan Muslimah berkerjaya di Brunei sebagai responden kajian. Ucapan terima kasih kepada responden kajian yang turut serta dalam kajian ini dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menghasilkan kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Awang, Idris. 2009. *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*, Selangor: Kamil Publications

Ba'albaki, Ruhi. 2009. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin.

al-Dabbagh, Maha. 2019. "Modesty in Apparel Motivated by Culture, Faith and Health: Review study", *Al-Majallah Al-'Ilmiah Li Kuliyah At-Tarbiyah An-Nau'iyah*, Vol.1:3-30.

Earthy, Sarah Earthy dan Cronin, Ann. 2008. "Narrative Analysis" dalam *Researching Social Life*, peny. Gilbert, N. London: Sage Publications.

Hass, Bat Sheva., & Lutek, Hayden. 2019. "Fashion and Faith; Islamic Dress and Identity in The Netherlands", *Religions* :1-26.

Hin, Lim Chong. 2007. *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*, Selangor: McGraw-Hill Sdn. Bhd. 2007.

Humaid, Soleh bin Abdullah. 1994. *Zīnah Al-Mar'ah Al-Muslimah*. Mekah : Darul Muslim.

Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismai'l U'mar Kathir Al-Qurasyi Al-Bashri Al-Damsyiq, Tafsīr Al-Qurān Al-Azhīm. Riyadh: Dar Taibah li Nasyri wa Tauzigh, 1999.

Ibn Majah, Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini. T.t. Sunan Ibn Majah, Dar Ihya Al-Kutub Al-'Arabiyyah.

al-Jaziri, Abdul Rahman bin Muhammad 'Awad. 2003. *Al-Fiqh 'Alā Mazhab Al-'Arba'ah*, Lebanon: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.

Juned, Abdul Aziz. 2004. *Irsyad Hukum*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.

Mohammad, Siti Mazidah. 2018. Hijab di Brunei Darussalam: Satu Kajian Konteks dan Amalan. *Rampak Serantau* Vol.25: 108-124.

Mohiddin, Mas Nooraini & Serbini, Suaad. 2019. "Fesyen Halal Style dalam Kalangan Pelajar UNISSA" *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*:139- 154.

Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya. 2014. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.

Muslim, Al-Hujjaj Abu Al-Hasan Al-Qusyairi An-Nisaburi. *Shahīh Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turats Al-'Arabi, t.t.

al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Syarf. 1392. *Al-Minhaj Syarah Shahih Muslim bin Al-Hujjaj*. Beirut: Dar Ihya' At-Turats Al-'Arabi

Rosenthal, Gabriela. 2004. *Biographical Research*, London: Sage.

al-Tirmidzi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa bin Ad-Dhahak. 1998. *Al-Jāmi' Al-Kabīr*. Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islami.

Watson, T. W. 1997. Guidelines for conducting interviews. Didapatkan dari <https://web.ics.purdue.edu> (accessed 7 February 2022)